JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MyHome

Mekanisme Pelaksanaan

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta *(MyHome)*

27 MAC 2014



MyHome

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta

KANDUNGAN

		Muka Surat
1.0	**Latar Belakang**	1
2.0	**Kriteria-Kriteria Asas**	1
3.0	**Kaedah Pemilihan Projek Skim *MyHome***	
	Kriteria Pemaju	2
	Kriteria Projek	2
	Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome*	2
	Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome*	3
	Kaedah Pembayaran Kepada Pemaju	3
4.0	**Kaedah Pemilihan Pembeli Skim *MyHome***	
	Kriteria Pembeli	4
	Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Skim *MyHome*	4
	Jawatankuasa Rayuan Pembeli Skim *MyHome*	5
5.0	**Moratorium**	5
6.0	**Penutup**	5
LAMPIRAN		
	Lampiran A: Carta Alir Permohonan Projek Skim *MyHome*	i
	Lampiran A(I): Borang Permohonan Pemaju Projek Skim *MyHome*	iv
	Lampiran B: Carta Alir Permohonan Pembeli Skim *MyHome*	vii
	Lampiran B(I): Borang Permohonan Pembeli Skim *MyHome*	x

1.0 LATAR BELAKANG

1. Skim *MyHome* ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013.

2. Skim ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

3. Skim *MyHome* menawarkan insentif sehingga **RM30,000 seunit** yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta.

4. Pada tahun 2014, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM300 juta** bagi pembinaan **10,000 unit** rumah mampu milik di seluruh negara.

2.0 KRITERIA-KRITERIA ASAS

5. Ciri-ciri rumah mampu milik di bawah Skim *MyHome* adalah seperti berikut:

	Harga Pasaran/Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
MyHome1	80,000-120,000	50,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome1 *Sabah&Sarawak*	90,000-120,000	60,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome2	120,001-200,000	90,001-170,000	850	4,001-6,000
MyHome2 *Sabah&Sarawak*	120,001-250,000	90,001-220,000	850	4,001-6,000

6. Rumah-rumah yang dibina di bawah Skim *MyHome* dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

7. Projek di bawah Skim *MyHome* perlu disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, dewan, surau dan taman permainan.

3.0 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK SKIM *MyHome*

KRITERIA PEMAJU

8. Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* di KPKT akan menimbangkan permohonan daripada pemaju berdasarkan kelayakan berikut:

- Syarikat yang sah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia.
- Setiap pemaju dihadkan untuk menerima insentif tidak melebihi 1,000 unit dalam satu pemajuan projek.
- Projek diluluskan pada tahun 2014 atau sebelumnya layak memohon.
- Keutamaan diberikan kepada pemaju perumahan swasta.
- Projek dilaksanakan di atas tanah milik swasta.
- Projek perumahan berlesen yang mendapat kelulusan kebenaran merancang dan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

KRITERIA PROJEK

9. Kriteria pemilihan asas projek adalah seperti berikut:

- Pemilihan lokasi projek yang strategik.
- Projek berdaya maju dan kebolehlaksanaan (*feasibility*).
- Menepati permintaan dan keperluan rumah di lokasi yang dipohon.
- Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh.

JAWATANKUASA PEMILIHAN PROJEK SKIM *MyHome*

10. Bagi memastikan pemilihan pemaju dilaksanakan secara sistematik, Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* di peringkat Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan ditubuhkan dengan keahlian seperti berikut :

Pengerusi	:	Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara
Ahli-ahli	:	Wakil Kementerian Kewangan
	:	Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
	:	Wakil Kerajaan Negeri/Lembaga Perumahan yang berkaitan/ Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan
	:	Wakil Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT
Urusetia	:	Unit *MyHome*, JPN

11. Skop dan bidang tugas Jawatankuasa ini ialah seperti berikut :

- Merancang pembangunan rumah-rumah mampu milik Skim *MyHome* berdasarkan permintaan dan keperluan sesuatu kawasan.
- Menimbang dan meluluskan pemilihan projek berdasarkan syarat-syarat ditetapkan.
- Menentukan pemilihan tapak dan lokasi yang strategik.
- Menentukan projek berdaya maju *(viability)* dan kebolehlaksanaan *(feasibility)* projek.
- Menilai keupayaan kewangan pemaju.

12. Carta alir permohonan Projek Skim *MyHome* adalah sepeti di lampiran A.

JAWATANKUASA RAYUAN PROJEK SKIM *MyHome*

13. Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome* ditubuhkan bagi menimbang rayuan pemaju yang ditolak oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek *MyHome*.

Pengerusi	:	Ketua Setiausaha, KPKT
Ahli-ahli	:	Wakil Kementerian Kewangan
	:	Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
	:	Wakil Kerajaan Negeri/Lembaga Perumahan yang berkaitan/ Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan
	:	Wakil Bahagian Dasar, KPKT
Urusetia	:	Unit *MyHome*, JPN

KAEDAH PEMBAYARAN KEPADA PEMAJU

14. Pembayaran Skim *MyHome* akan dilaksanakan kepada pemaju dengan cara berikut :

- Bayaran insentif RM30,000 daripada harga rumah akan dibayar kepada pemaju secara *upfront* melalui Skim *MyHome* ini dan baki harga rumah akan dibiayai sendiri oleh pembeli.
- Pembayaran RM30,000 ini adalah termasuk bayaran deposit sebanyak 10% kepada pembeli apabila Surat Perjanjian Jual Beli ditandatangani.
- Pemaju perlu memastikan pembeli mendapatkan pembiayaan pada baki harga rumah sahaja.

4.0 KAEDAH PEMILIHAN PEMBELI SKIM *MyHome*

KRITERIA PEMBELI

15. Syarat-syarat yang ditetapkan KPKT :

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun ke atas.
- Pembelian rumah pertama.
- Permohonan satu (1) unit rumah kepada setiap isi rumah.
- Pendapatan isi rumah :
  - *MyHome* 1 : RM3,000 - RM 4,000
  - *MyHome* 2 : RM4,001 - RM6,000

16. Carta alir permohonan pembeli Skim *MyHome* adalah seperti di lampiran B.

JAWATANKUASA PEMILIHAN PEMBELI SKIM *MyHome*

17. Permohonan yang telah disemak akan dibawa kepada Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Skim *MyHome* seperti berikut :

Pengerusi	:	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN, KPKT
Ahli-ahli	:	Wakil Kementerian Kewangan
	:	Wakil Kerajaan Negeri/Lembaga Perumahan yang berkaitan/ Wakil Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan
	:	Wakil Bahagian Dasar, KPKT
	:	Wakil pemaju perumahan berkaitan
Urusetia	:	Unit *MyHome*, JPN

18. Skop dan bidang tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :

- Menentukan kriteria pemilihan pembeli rumah Skim *MyHome*.
- Menimbang dan memilih pembeli-pembeli rumah Skim *MyHome* berdasarkan syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan.

JAWATANKUASA RAYUAN PEMBELI SKIM *MyHome*

19. Jawatankuasa Rayuan Pembeli Skim *MyHome* ditubuhkan bagi menimbang rayuan pembeli yang ditolak oleh Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Skim *MyHome.*

20. Keahlian Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	Ketua Setiausaha, KPKT
Ahli-ahli	:	Wakil Bahagian Dasar, KPKT
	:	Wakil Kerajaan Negeri/ Lembaga Perumahan yang berkaitan/ Wakil Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan
Urusetia	:	Unit *MyHome*, JPN

5.0 MORATORIUM

21. Tempoh moratorium dikenakan selama 10 tahun.

22. Syarat moratorium dimasukkan ke dalam surat tawaran kepada pembeli, Surat Perjanjian Jual Beli dan dokumen hakmilik tanah (di bawah sekatan kepentingan).

23. Tempoh moratorium dikira bermula selepas Surat Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

24. Pindah milik/jualan kepada ahli keluarga terdekat seperti suami/isteri/anak dibenarkan.

6.0 PENUTUP

25. Skim *MyHome* yang diperkenalkan oleh Kerajaan akan membantu pembeli mengurangkan beban kewangan di mana insentif yang diberikan kerajaan adalah termasuk bayaran 10% bayaran pendahuluan. Bagi pemaju perumahan swasta, insentif ini akan mengurangkan beban kos pembinaan dan dapat membantu aliran tunai pemaju.


26. Usaha dan komitmen bersepadu antara Kerajaan dan pihak swasta akan meningkatkan lagi penyediaan Rumah Mampu Milik kepada golongan sasaran ke arah pembangunan perumahan yang seimbang dan meningkatkan kemapanan hidup rakyat.

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
27 Mac 2014

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PERMOHONAN PEMAJU

Dilaksanakan di Peringkat KPKT



1. Terima permohonan
2. Semakan
3. Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome*

   3(a) Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome*
4. Kelulusan Bersyarat
5. Pemaju mendapatkan kelulusan PBN/PBT/ Pejabat Tanah

   5(a) Sekiranya terdapat pindaan, pemaju perlu maklum kepada KPKT untuk semakan dan kelulusan semula
6. Permohonan lesen pemajuan perumahan di KPKT sekiranya semua syarat PBT/PBN/ Pejabat Tanah telah diluluskan
7. Pemaju membuka Akaun Pemajuan Perumahan (HDA)
8. Pemaju tandatangan perjanjian dengan KPKT
9. Bayaran insentif RM30,000
10. Pemantauan projek melalui Laporan 7(e) dan 7(f) –BPPS/JPN

Peringkat 1: Borang Permohonan seperti di Lampiran A(I)

- Permohonan dibuka kepada syarikat/pemaju yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan boleh dibuat melalui cara-cara berikut :
  - Permohonan secara atas talian di laman web JPN *(http://ehome.kpkt.gov.my)* atau di laman web KPKT *(www.kpkt.gov.my)*; ATAU
  - Muat turun borang (download) di laman web JPN, KPKT iaitu *http://ehome.kpkt.gov.my.*
- Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada JPN di alamat berikut :

Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara (Unit *MyHome*)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan
Tempatan
Aras 34, No. 51,
Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 | Faks : 03-8891 4227

Peringkat 2 : Jawatankuasa Pemilihan Projek *Skim MyHome*

- Urusetia akan menyemak dan membuat pemarkahan mengikut kriteria penilaian dan pemarkahan yang ditetapkan KPKT.
- Urusetia akan menyediakan Kertas Perakuan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Projek *MyHome*.

Peringkat 3 : Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome*

- Sekiranya permohonan pemaju ditolak, pemaju boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Projek Skim *MyHome*

Peringkat 4 : Kelulusan Bersyarat

- Sekiranya permohonan menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPKT dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek *MyHome*, pemaju akan menerima **Kelulusan Bersyarat** daripada KPKT.

Peringkat 5 : Permohonan Kelulusan PBN/PBT/Pejabat Tanah

- Pemaju seterusnya akan mengemukakan kelulusan-kelulusan lain kepada PBN/PBT/Pejabat Tanah.
- Sekiranya terdapat pindaan pada projek *MyHome* di peringkat PBN/PBT/Pejabat Tanah, pemaju perlu memaklumkan kepada KPKT untuk pertimbangan semula Jawatankuasa Pemilihan Projek *MyHome*.

Peringkat 6 : Permohonan Lesen Pemajuan Perumahan Dan Permit Iklan Dan Jualan

- Sekiranya kesemua kelulusan daripada PBN/PBT/Pejabat Tanah telah diperolehi, pemaju perlu memohon lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan kepada KPKT.

Peringkat 7 : Akaun Pemajuan Perumahan (*HDA*)

- Pemaju dikehendaki membuka Akaun Pemajuan Perumahan (*HDA*) bagi Projek *MyHome*.

Peringkat 8 : Perjanjian Dengan KPKT

- Pemaju dan KPKT akan menandatangani Perjanjian Pembangunan (*Development* A*greement*) bagi pelaksanaan Skim *MyHome*.

Peringkat 9 : Bayaran Insentif RM30,000 Kepada Pemaju

- KPKT akan membuat bayaran insentif RM30,000 kepada pemaju secara *upfront*.

Peringkat 10 : Pemantauan Projek

- Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta akan memantau projek-projek *MyHome* bagi memastikan projek berjalan lancar. Pemantauan akan dilaksanakan secara lawatan tapak berkala dan pemantauan Laporan 7(e) dan 7(f).

JPN/MyHome/2014/PEMAJU
Borang PERCUMA

LAMPIRAN A(I)

BORANG PERMOHONAN PROJEK SKIM *MyHome*

Cara Permohonan :

1. Mengisi borang permohonan yang disediakan. Borang permohonan boleh didapati di :
   i. Permohonan secara atas talian di laman web JPN (*http://ehome.kpkt.gov.my)* atau laman web KPKT *(www.kpkt.gov.my),* **ATAU**
   ii. Muat turun menerusi laman web JPN, KPKT (*http://ehome.kpkt.gov.my)*

2. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama salinan dokumen ke JPN di alamat berikut :

Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara (Unit *MyHome*)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Aras 34, No. 51,
Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8891 4227

Jenis Permohonan :

☐ *MyHome* 1 ☐ *MyHome* 2

DOKUMEN YANG WAJIB DIHANTAR BERSAMA DENGAN BORANG PERMOHONAN INI

☐ Borang Permohonan
☐ Salinan maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat dan data berkaitan syarikat (Borang 9,Borang 24, Borang 49)
☐ Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)
☐ Laporan Kewangan Tahunan Beraudit Terkini

*** 3 salinan setiap dokumen**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT :

No. Pendaftaran : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
Tarikh Pendaftaran: ☐☐/☐☐/☐☐
Tarikh Kemaskini : ☐☐/☐☐/☐☐

PENGESAHAN PENERIMAAN (COP PENERIMAAN) :

1/3

JPN/MyHome/2014/PEMAJU
Borang PERCUMA

A. BUTIR-BUTIR PEMAJU

Nama Syarikat :

Kod Pemaju (jika ada) :

Alamat Surat Menyurat :

Daerah:

Poskod : Negeri :

Emel :

No Telefon : - No Faks : -

Pegawai Untuk Dihubungi :

No Telefon :

No Telefon Bimbit :

B. BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Cadangan Nama Projek :

Bilangan Unit : _____ unit (*MyHome* 1) _____ unit (*MyHome* 2)

Lokasi :

Daerah :

Negeri :

PBT Meluluskan :

C. BUTIR-BUTIR TANAH

No. Lot :	
Keluasan tanah :	
Bandar/pekan/mukim :	
Daerah :	
Negeri :	
Jenis Hakmilik Tanah :	
Tuan Punya Berdaftar :	
Kategori kegunaan tanah :	
Syarat Nyata :	
Sekatan Kepentingan :	
Lain-lain Maklumat :	

2/3

D. PERAKUAN

Saya/kami mengakui bahawa keterangan di atas adalah betul dan benar serta boleh digunapakai oleh pihak Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan kelulusan permohonan ini. Saya juga faham menurut **Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13]**, bahawa memberi keterangan palsu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 199 & 200, Kanun Keseksaan [Akta 574]. Jika permohonan saya diluluskan dan maklumat yang diberikan didapati tidak benar, saya faham bahawa pihak JPN berhak menarik balik kelulusan permohonan tersebut. Saya dengan ini memberi kuasa kepada JPN atau wakilnya untuk mendapatkan maklumat-maklumat lain yang berkenaan kepada permohonan ini untuk menjaga kepentingan JPN dengan apa cara mengikut budi bicara JPN. Saya mengaku bahawa borang ini ialah hakmilik mutlak JPN dan JPN berhak menolak permohonan ini bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.


Cop Syarikat :

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :
Nama :
Jawatan :
No K/p :

CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBELI SKIM *MyHome*

Dilaksanakan di Peringkat KPKT



1. Pembeli berdaftar dengan KPKT
2. Semakan Urusetia
3. Senarai nama di bawa ke Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Skim *MyHome*

   3(a) Senarai nama yang gagal akan dibawa ke Jawatankuasa Rayuan Pembeli Skim *MyHome*
4. Surat Tawaran Skim *MyHome*
5. Tandatangan S & P (Format S&P dari KPKT)
6. Pembiayaan
7. Projek Siap
8. Serah Kunci

Peringkat 1: Borang Permohonan seperti Lampiran B(I)

- Permohonan dibuka kepada orang awam yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan melalui cara-cara berikut :
  - Permohonan secara atas talian di laman web JPN *(http://ehome.kpkt.gov.my)* atau di laman web KPKT *(www.kpkt.gov.my)*; ATAU
  - Muat turun borang (download) di laman web JPN,KPKT iaitu h*ttp://ehome.kpkt.gov.my;* ATAU
  - Mengambil borang di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada JPN di alamat berikut :

Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara (Unit *MyHome*)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Aras 34, No. 51,
Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 | Faks : 03-8891 4227

Peringkat 2 : Semakan Urusetia

- Urusetia akan membuat semakan terhadap permohonan dan pemarkahan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Pemarkahan akan dibuat secara berkomputer. Seterusnya Urusetia akan menyediakan Kertas Cadangan ke Jawatankuasa Pemilihan Pembeli *MyHome* untuk pertimbangan

Peringkat 3 : Jawatankuasa Pemilihan Pembeli *MyHome*

- Jawatankuasa akan bermesyuarat dan membuat perakuan serta meluluskan senarai pemohon yang berjaya.

Peringkat 4 : Penawaran

- Urusetia akan mengemukakan Surat tawaran dan Surat Setuju Terima kepada pemohon yang layak.
- Surat setuju terima perlu dikembalikan kepada pihak JPN.

Peringkat 5 : Tandatangan S & P

- Pembeli perlu menandatangani Perjanjian Jual Beli (S&P) dengan pemaju. S&P tersebut merupakan S&P yang telah dipersetujui KPKT yang meliputi syarat-syarat tambahan, sekatan penjualan serta pindaan pada Jadual Ketiga yang telah dipersetujui KPKT.
- Bayaran deposit 10% akan dibayar kepada pembeli oleh Kerajaan dan dimasukkan ke dalam *HDA* pemaju.

Peringkat 6 : Pembiayaan

- Pembeli perlu mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi baki harga rumah selepas ditolak insentif RM30,000.

Peringkat 7 & 8 : Projek Siap & Serah Kunci

- Projek disiapkan dan diserahkan kepada pembeli.

MyHome

JPN/*MyHome*/2014/PEMBELI
Borang PERCUMA

LAMPIRAN B(II)

BORANG PERMOHONAN PEMBELI SKIM *MyHome*

MyHome

JENIS RUMAH:

MyHome 1
- 3 Bilik Tidur • 2 Bilik Air
- Minimum 800 kaki persegi

MyHome 2
- 3 Bilik Tidur • 2 Bilik Air
- Minimum 850 kaki persegi

- Warganegara Malaysia
- Pemohon mestilah berumur 18 tahun ke atas
- Pembelian rumah pertama.
- Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendapatan bulanan isi rumah seperti berikut :

Skim	Harga Pasaran/Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isirumah (RM)
MyHome 1	80,000-120,000	50,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome 1 (Sabah & Sarawak)	90,000-120,000	60,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome 2	120,001-200,000	90,001-170,000	850	4,001-6,000
MyHome 2 (Sabah & Sarawak)	120,001-250,000	90,001-220,000	850	4,001-6,000

JPN/*MyHome*/2014/PEMBELI
Borang PERCUMA

PANDUAN KEPADA PEMBELI SKIM *MyHome*

Cara Permohonan :

1. Permohonan Skim *MyHome* boleh dibuat melalui cara berikut :
   i. Permohonan secara atas talian di laman web JPN (*http://ehome.kpkt.gov.my) atau di laman web KPKT (www.kpkt.gov.my);* **ATAU**
   ii. Muat turun borang menerusi laman web JPN, KPKT (*http://ehome.kpkt.gov.my;* **ATAU**
   iii. Borang-borang permohonan juga boleh juga didapati di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri .

2. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama salinan dokumen ke JPN seperti di alamat berikut :

Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara (Unit *MyHome*)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Aras 34, No. 51,
Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8891 4227

DOKUMEN YANG WAJIB DIHANTAR BERSAMA DENGAN BORANG PERMOHONAN INI

- ☐ Salinan Kad Pengenalan Pemohon
- ☐ Salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri Pemohon
- ☐ Salinan Kad Pengenalan/ MyKid/Sijil Kelahiran Anak-anak Tanggungan
- ☐ Salinan Slip Gaji/Surat Pengesahan Pendapatan (suami isteri)
- ☐ Salinan kad OKU (sekiranya berkenaan)

Nota : Sila tandakan (√) pada petak di atas

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT :

No. Pendaftaran : ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐
Tarikh Pendaftaran: ☐☐/☐☐/☐☐
Tarikh Kemaskini : ☐☐/☐☐/☐☐

PENGESAHAN PENERIMAAN (COP PENERIMAAN) :

Diterima oleh :

JPN/*MyHome*/2014/PEMBELI
Borang PERCUMA

A. PILIHAN PERMOHONAN (Kod Negeri dan Daerah seperti di Lampiran)

Jenis Permohonan :
☐ *MyHome 1* ☐ *MyHome2*

Pilihan Lokasi: (Pemohon wajib mengisi Pilihan I)

Pilihan 1:

Negeri	Daerah

Pilihan 3:

Negeri	Daerah

Pilihan 2:

Negeri	Daerah

B. BUTIR-BUTIR PEMOHON

Nama : (Huruf besar & mengikut Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : - -

Pengenalan ID lain *(Isi sekiranya berkenaan)* : ☐ **No. Tentera** ☐ **No. Polis**

Tarikh Lahir : / / **Umur :** **tahun**

Jantina : ☐ **Lelaki** ☐ **Perempuan**

Kaum : ☐ **Melayu** ☐ **Cina** ☐ **India** **Lain-lain** (Bangsa/etnik/suku kaum) : sila nyatakan

Taraf Perkahwinan : ☐ **Berkahwin** ☐ **Bujang** ☐ **Ibu Tunggal**

Alamat Tempat Tinggal Sekarang :

Daerah :
Poskod : **Negeri :**

Alamat Surat Menyurat: *(sekiranya lain daripada alamat tempat tinggal sekarang)*

Daerah :
Poskod : **Negeri :**

No Telefon : **(Rumah)** - **(Bimbit)** - **E-mel :**

Taraf Kediaman Sekarang : ☐ **Milik Ibu Bapa** ☐ **Sewa** ☐ **Menumpang** ☐ **Kuarters** ☐ **Setinggan**

Tempoh Menetap Di Negeri (Pilihan 1) : **Bermula Tahun**

Kecacatan : ☐ **Ya** ☐ **Tidak**
Sekiranya Ya, Nyatakan No. Pendaftaran OKU :
(Berdaftar dengan JKM)

JPN/*MyHome*/2014/PEMBELI
Borang PERCUMA

C. MAKLUMAT SUAMI/ISTERI PEMOHON (sekiranya berkenaan)

Nama :

(Huruf besar & mengikut Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan (Baru) : - -

Tarikh Lahir : / / **Umur :** tahun

No Telefon : **(Rumah)** -
(Bimbit) -

Emel :

D. BUTIR-BUTIR PEKERJAAN DAN PENDAPATAN

Sektor Pekerjaan : ☐ **Swasta** ☐ **Kerajaan/Separuh Kerajaan** ☐ **Bekerja Sendiri** ☐ **Berniaga** ☐ **Pencen** **Lain-lain :** ..... (Nyatakan) .....

Pekerjaan Pemohon :

Pekerjaan Suami/isteri :

Jika mengusahakan perniagaan sendiri, nyatakan jenis perniagaan :

No. pendaftaran perniagaan (jika ada) :

PENDAPATAN : (Sila Lampirkan penyata pendapatan)
Gaji termasuk elaun-elaun/pendapatan perniagaan : **RM** .

Pendapatan suami/isteri : **RM** . (Sila Lampirkan penyata pendapatan)
Lain-lain pendapatan : **RM** .
Jumlah Pendapatan Isi Rumah : **RM** .

No. Cukai Pendapatan (jika berkaitan)

ALAMAT MAJIKAN :

Daerah :
Poskod : **Negeri :** **No. Telefon Pejabat :** -

E. BUTIR-BUTIR TANGGUNGAN PEMOHON

Bil.	Nama	Hubungan	No. Kad Pengenalan /Surat Beranak	Umur	Pekerjaan/ Bersekolah	Pendapatan Bulanan

(Sila sertakan surat beranak/MyKid/kad pengenalan & kemukakan kertas tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

4/5

JPN/*MyHome*/2014/PEMBELI
Borang PERCUMA

Saya/kami mengakui bahawa keterangan di atas adalah betul dan benar serta boleh digunapakai oleh pihak Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan kelulusan permohonan ini. Saya juga faham menurut **Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13]**, bahawa memberi keterangan palsu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 199 & 200, Kanun Keseksaan [Akta 574]. Jika permohonan saya diluluskan dan maklumat yang diberikan didapati tidak benar, saya faham bahawa pihak JPN berhak menarik balik kelulusan permohonan tersebut. Saya dengan ini memberi kuasa kepada JPN atau wakilnya untuk mendapatkan maklumat-maklumat lain yang berkenaan kepada permohonan ini untuk menjaga kepentingan JPN dengan apa cara mengikut budi bicara JPN. Saya mengaku bahawa borang ini ialah hakmilik mutlak JPN dan JPN berhak menolak permohonan ini bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.

Tandatangan Pemohon : _____

Tarikh : _____

KAMI MENGANGGAP PIHAK TUAN/PUAN TELAH MEMBACA DENGAN TELITI, FAHAM DAN BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK KAMI.

Nota

MyHome

MyHome

Jabatan Perumahan Negara (Unit *MyHome*)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Aras 34, No. 51,
Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 | Faks : 03-8891 4227